DIMENSION BID
WIRELINE INTERVENTION | PERFORATION SERVICES

POLISI HENTI KERJA

DIMENSION BID (M) SDN BHD komited dalam mencapai matlamat tiada ancaman kepada manusia dan memelihara persekitaran.

Skop:-

Polisi Henti Kerja ini dikenakan kepada semua pekerja **Dimension Bid (M) Sdn Bhd** termasuk pihak pengurusan atasan dan Lembaga Pengarah.

Komitmen:-

Polisi Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar **Dimension Bid (M) Sdn Bhd** ialah memastikan persekitaran bekerja yang selamat dan bebas ancaman daripada sebarang risiko atau terdedah kepada kemudaratan pekerja, kerosakan harta benda atau kesan buruk kepada alam sekitar.

Dimension Bid (M) Sdn Bhd memberi galakan dan sokongan sepenuhnya kepada sebarang keputusan untuk HENTI KERJA jika jelas terbukti terdapat ancaman kepada kami, para pekerja, ahli sub-kontraktor, aset (sama ada milik syarikat atau lain-lain, termasuk perkakas dan bahan) atau kepada persekitaran tempat kami bekerja.

Jika sebarang peristiwa berlaku berpunca dari kelakuan berbahaya, tindakan, perbuatan atau pengabaian atau tiada tindakan oleh mana-mana pihak terbabit di dalam operasi kami, yang mungkin mendatangkan bahaya kepada mana-mana atau salah satu dari yang di atas, maka, kerja mesti dihentikan serta-merta.

Kerja yang dihentikan disebabkan oleh arahan Henti Kerja tidak boleh disambung semula sehingga tugasan tersebut dinilai semula secara lebih selamat dan tidak berbahaya. Jika terdapat sebarang keraguan, pekerja perlu segera berunding dengan penyelia untuk mencari jalan terbaik agar kerja boleh disambung dalam keadaan yang selamat.

Syarikat tidak akan menyalahkan atau menuding kesilapan kepada mana-mana pekerja yang menyebabkan Henti Kerja, walaupun setelah siasatan dilakukan, arahan Henti Kerja itu didapati tidak diperlukan. Arahan Henti Kerja perlu dilaksanakan dengan dasar penuh percaya.

.....

Dato' Aziz Ayob
Chief Executive Officer
Dimension Bid (M) Sdn Bhd
8th January 2014